

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN NO. 184

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah wujud Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) baharu yang diluluskan penubuhannya oleh Kementerian sejak Jun 2018. Jika ada senaraikan nama IPTS-IPTS tersebut mengikut pecahan negeri dan tarikh diluluskan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga Jun 2018, terdapat sebanyak 467 buah IPTS yang aktif dan berdaftar di Kementerian. Bilangan IPTS mengikut pecahan iaitu Universiti sebanyak 53, Kolej Universiti sebanyak 38 buah, Kampus Cawangan Luar Negara (KCLN) sebanyak 10 dan kolej sebanyak 366. Dua buah IPTS baharu yang lulus penubuhannya lebih awal telah didaftarkan ialah pada 9 Mac 2018 iaitu *Royal College of Surgeons* di Ireland dan *University College Dublin Malaysia Campus*. Manakala pendaftaran naik taraf IPTS iaitu Kolej Universiti Yayasan Pahang didaftarkan pada 17 April 2018.

(*Sumber: eIPTS)

Sekian, terima kasih.